



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI UGAMA (B.2 EB.3)
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI UGAMA

PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN]


KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Pendidikan Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang-bidang berikut adalah kelebihan:
 - i) Berpengalaman dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan da'wah dan penyebaran ajaran Ugama Islam di Kawasan bandar dan pendalamam.
 - ii) Berkebolehan berceramah / bersyarah dalam bidang keugamaan dengan baik.
 - iii) Berkemahiran dalam Bahasa Inggeris selain Bahasa Melayu serta mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Puak Asli Brunei dengan baik.
3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Ugama dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai Penolong Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah;
2. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan Da'wah dan pengislaman;
3. Menyediakan perancangan strategi dan metode da'wah mengikut lapisan sasaran dan perkembangan semasa;
4. Sebagai Pegawai Penghubung Unit Pengislaman daerah-daerah berkenaan pengislaman dan aktiviti;



5. Menyediakan rancangan, Laporan Tahunan dan aktiviti-aktiviti Bahagian Pengembangan Da'wah;
6. Menyiasat dan menyediakan laporan berkenaan Muallaf;
7. Bertanggungjawab mengurus wang saguhati dan cenderamata dari Majlis Ugama Islam.
 - i) Menyediakan peruntukan dan laporan kewangan,
 - ii) Memantau pengurusan Muallaf, dan
 - iii) Menghantar senarai nama Muallaf setiap tahun ke Jabatan Majlis Ugama Islam dan Pendaftar Taraf Kebangsaan.
8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.